



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000
Faks : 609 - 516 4931
Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 JLD 2 (79)

Tarikh : 9 Jun 2023

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
DI BAWAH SELIAAN JANM NEGERI PAHANG**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENYERAGAMAN PENGGUNAAN KOD AKAUN (CARTA AKAUN AKRUAN-CAA),
PERIHAL DAN MODUL BAYARAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) telah mengeluarkan Surat Edaran BPOPP Bilangan 6 Tahun 2023 – **Penyeragaman Penggunaan Kod Akaun (Carta Akaun Akruan-CAA), Perihal dan Modul Bayaran** bertarikh 26 Mei 2023.

3. Untuk makluman untuk semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) JANM Pahang, penggunaan kod akaun (CAA), perihal dan modul bayaran yang kerap digunakan oleh PTJ telah diseragamkan melalui *platform MyCODE* yang dibangunkan oleh JANM Selangor melalui bengkel bersama Pejabat Perakaunan pada 1 dan 2 Mac 2023 yang lalu. Perkara ini bertujuan bagi memastikan proses semakan AO yang standard oleh semua Pejabat Perakaunan dan mengelakkan aduan ketidakseragaman di antara Pejabat Perakaunan.

4. Sehubungan itu, semua PTJ JANM Pahang boleh merujuk kepada *MyCODE* sebagai panduan dan rujukan bagi tujuan penyediaan/ semakan Pesanan Kerajaan/ Arahan Pembayaran dan transaksi-transaksi lain yang berkaitan. *MyCODE* ini boleh diakses melalui pautan berikut:

<https://shorturl.at/jqTW5>

Selain itu, PTJ perlu merujuk bersama pekeliling/ surat pekeliling Carta Akaun Akruan yang berkuat kuasa bagi penjelasan lanjut/ kod akaun yang tidak disenaraikan di dalam *MyCODE*.

5. *MyCODE* ini telah mengambil kira perihal bayaran seperti yang dinyatakan di dalam surat edaran yang terdahulu rujukan ANM(OC) 07/7 Jld. 6 (24) bertarikh 10 Julai 2007 di mana maklumat perihal Pesanan Kerajaan/ Arahan Pembayaran hendaklah tepat sepertimana maklumat yang diperlukan tertera di **Penyata Bank** penerima bayaran. **Maklumat perihal bayaran** hendaklah menyatakan nombor invois dan tujuan bayaran/ keterangan yang bersesuaian mengikut jenis bayaran. Selaras dengan kemudahan di sistem bank, hanya 20 aksara pertama sahaja yang tertera di **Penyata Bank** penerima bayaran seperti di Lampiran 1.

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 JLD 2 (79)

Tarikh : 9 Jun 2023

6. Surat edaran ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2023** dan surat Bahagian Pengurusan Operasi Cawangan (BPOC) rujukan ANM(OC) 07/7 Jld.6 (24) bertarikh 10 Julai 2007 adalah **terbatal**.

7. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(BURHANUDIN BIN MOHD NOOR C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang

CONTOH CATATAN PERIHAL BAYARAN MENGIKUT JENIS DAN PENERIMA BAYARAN (sistem membenarkan perihal sehingga 100 aksara, 20 aksara pertama sahaja yang tertera di Penyata Bank)

5.1 Bayaran Kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) Yang Memberikan Perkhidmatan

Perihal bayaran hendaklah mengandungi nombor rujukan yang mengandungi maklumat kod PTJ yang memberikan perkhidmatan dan nombor invois seperti berikut:

Kod PTJ	Nombor Invois/ Rujukan
27020701	12345678

Contoh perihal bayaran kepada PTJ:

- a. 27020701/12345678 – Perkhidmatan ujian sampel oleh Jabatan Kimia
- b. 27020701/87654321 – Bayaran sewaan canopy untuk program Hari Sukan Negara

5.2 Bayaran Kepada Pembekal

Perihal pembayaran bagi perolehan melalui sistem ePerolehan adalah seperti yang telah diformatkan secara auto yang menyatakan maklumat invois dan nombor rujukan.

Manakala perihal bayaran bagi perolehan selain sistem ePerolehan hendaklah mengandungi nombor rujukan invois dan tarikh seperti berikut:

No. Invois	Tarikh
BC12345W	11042023

Contoh perihal bayaran kepada Pembekal:

- a. BC12345W/11042023 – Pembelian lesen perisian
- b. ABC123S/11042023 – Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di Hospital Sungai Buloh bagi bulan April 2023

5.3 Bayaran Kepada Individu/ Pemegang Panjar

Perihal bayaran hendaklah mengandungi catatan ringkas jenis bayaran, bulan dan tahun seperti berikut:

Catatan ringkas	Bulan	Tahun
TNT/CERAMAH	04	2023

Contoh perihal bayaran kepada Individu/ Pemegang Panjar:

- a. TNT 04/2023 – Tuntutan Perjalanan Bulan April 2023
- b. CERAMAH 04/2023 – Bayaran saguhati penceramah bukan kakitangan awam
- c. 202111134003 – Reкупmen Panjar Khas Bulan Mac 2023

ID dijana secara auto dari sistem

5.4 Bayaran Kepada Agensi Pukal (Arahan Pembayaran berdasarkan keperluan sahaja seperti akaun belum dipukalkan)

Perihal bayaran hendaklah mengandungi nombor akaun, nombor invois dan tarikh seperti berikut:

Nombor akaun (Tertakluk kepada bilangan digit yang telah ditetapkan oleh agensi)	Nombor invois	Tarikh Invois
324443423523	9004063287	1 April 2023

Contoh perihal bayaran kepada Agensi:

324443423523/ 9004063287/ 01042023 – Bayaran bil utiliti elektrik pejabat April 2023